

24/09/1997

Masyarakat perlu bantu atasi jerebu

KELMARIN, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat jangan menyerahkan tugas mencegah jerebu sepenuhnya kepada kerajaan, sebaliknya turut sama mengawal pencemaran. Seruan seperti ini memang sering dibuat dalam menangani pelbagai masalah yang dihadapi sebelum ini. Gambaran yang dapat kita lihat ialah rakyat Malaysia diibaratkan seperti penukul dan paku. Mereka bukan saja perlu diketuk, tetapi selepas diketuk sekalipun, belum tentu, ia diikuti. Inilah sikap degil sesetengah rakyat yang sukar dipulihkan.

Rakyat negara ini nampaknya begitu gemar dijentik untuk melakukan sesuatu. Sikap sukarela rakyat tidak jelas dalam menangani sesuatu masalah. Meskipun sedar tindakan mereka boleh mengancam nyawa sekalipun, ia masih tidak begitu dihiraukan. Rakyat seolah-olah tidak mengambil berat soal kesan, apatah lagi jika kesan yang tidak boleh dilihat dalam jangka waktu pendek. Malah, jika kesan yang mungkin dihadapi itu memudaratkan sekalipun, belum tentu ramai yang mematuhi. Jika kita lihat di sekeliling kita pun, masih ramai yang tidak menggunakan topeng pelindung udara. Walaupun tahu udara yang mereka sedut tidak sihat, namun ia seolah-olah tidak menakutkan mereka. Inilah sikap yang sukar kita fahami.

Kita ambil contoh kempen keselamatan jalan raya yang terpaksa diadakan berulang-ulang. Kerajaan melakukan pelbagai cara untuk membendung kemalangan. Pelbagai bentuk maklumat, iklan, papan tanda dan amaran dikeluarkan dengan menggunakan seluruh saluran komunikasi, tetapi pemandu tetap tidak memperdulikannya. Larangan jangan memandu kenderaan melebihi had laju tidak dipatuhi. Laporan mengenai kemalangan ngeri yang membabitkan ramai nyawa terkorban dihebahkan secara meluas, tetapi ia tidak menakutkan mereka. Sebaliknya, kemalangan terus berlaku saban hari. Kebanyakan kemalangan berpunca daripada sikap pemandu yang memandu terlalu laju dan cuai. Begitu juga dengan amaran denda yang dikenakan kepada setiap mereka yang merosakkan harta awam atau larangan membuang sampah. Adakah ia berkesan? Kerajaan boleh mengenakan denda yang berat, tetapi tidak ada jaminan semua rakyat mematuhi.

Kita sedih kerana sewaktu kita menghadapi masalah jerebu, rakyat masih meneruskan kegiatan yang boleh memburukkan lagi keadaan. Kita mungkin boleh menyalahkan kerajaan mengenai caranya bertindak hingga menyebabkan kita resah, tetapi kita tidak boleh meletakkan seluruh beban berkenaan di bahu kerajaan. Soal jerebu sudah pun berlaku. Kita boleh menghalang keadaan itu daripada berulang pada masa akan datang. Tetapi, soal pokok yang kita hadapi hari ini ialah bagaimana hendak membantu menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi. Setiap kita harus bertanya, apakah sumbangan yang harus kita mainkan.

Malangnya daripada contoh yang dapat kita lihat, rakyat bukan saja meringankan beban kerajaan tetapi tindakan sesetengah pihak, jelas menunjukkan bahawa kegiatan mereka memburukkan lagi keadaan. Kita amat hairan kerana dalam keadaan sekarang pun, masih ada orang yang membakar sampah secara terbuka. Kilang yang mengeluarkan asap tebal masih terus beroperasi seolah-olah tidak ada yang berlaku di sekeliling mereka.

Kita berharap nasihat Dr Mahathir ini dipatuhi kerana tidak mahu keadaan bertambah buruk. Jika semua orang sama-sama memainkan peranannya, kita percaya keadaan akan kian reda. Kita tidak seharusnya berfikir jika kita seorang saja melakukan pembakaran terbuka, ia tidak memburukkan keadaan tetapi jika semua orang berfikiran yang sama, apa akan jadi dengan udara

dan persekitaran kita.

Begitu juga, kita tidak seharusnya berfikir jika kita seorang saja yang mematuhi arahan, ia tidak memberi apa-apa makna. Kesan nyata boleh dilihat jika setiap individu menggunakan kebijaksanaan mereka. Kerajaan sudah pun menggariskan beberapa langkah untuk dipatuhi. Antaranya ialah menggalakkan orang ramai berkongsi kereta. Kita tidak pasti sejauh mana amalan itu boleh dilakukan sedangkan kempen mengenainya yang pernah diperkenalkan tidak beberapa dulu, sudah menempa kegagalan. Kemungkinan rakyat negara ini menunggu keadaan bertambah buruk hingga mereka tidak boleh bernafas, baru mahu bertindak secara sukarela. Kita menasihatkan sebelum sampai ke tahap itu, adalah lebih baik kita fikirkan bersama peranan kita untuk mengatasi masalah itu. Buat masa ini kita tidak perlulah menyalahkan mana-mana pihak kerana tugas di depan kita ialah untuk mencegah.

(END)